



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**MAJLIS PENYERAHAN GARIS PANDUAN PERALIHAN  
KENDERAAN KERAJAAN KEPADA KENDERAAN ELEKTRIK DAN  
PELANCARAN STESEN PENGECAS PANTAS EV (DCFC)  
BLOK F11, KOMPLEKS F, PUTRAJAYA**

**17 DISEMBER 2024 | SELASA | 2.00 PTG**

**LOBI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM,  
BLOK F11, KOMPLEKS F, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

**Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati Awang**

Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

**Yang Berbahagia Dato' Mohamad Razif Haji Abd Mubin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga)

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

**Yang Berusaha Encik Zureen Zubir**

Ketua Seksyen

Bahagian Pengurusan Aset Awam (PAM)

Kementerian Kewangan (MOF)

**Yang Berusaha Ir. Ts. Shamsul Bahar Mohd Nor**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)

**Yang Berbahagia Dato' Hamzah Hussin**

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia

**Yang Berusaha Encik Roslan Abdullah**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

PROTON Holdings Berhad

Pegawai-pegawai kanan Kementerian,  
Tuan-tuan dan puan-puan,  
Para hadirin yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun di majlis yang penuh bermakna ini. Saya bagi pihak Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir, terutamanya wakil-wakil dari Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Jabatan dan Agensi serta syarikat yang telah berganding bahu bagi merealisasikan usaha ini.
2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dan Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) selaku agensi pelaksana bagi projek-projek ini bersama-sama Bahagian Perubahan Iklim kerana berjaya menganjurkan majlis pada hari ini.
3. Majlis ini diadakan bagi menjayakan dua tujuan penting iaitu **Penyerahan Garis Panduan Peralihan Kenderaan Kerajaan kepada Kenderaan Elektrik kepada Kementerian Kewangan** dan

## Pelancaran Stesen Pengecas Pantas EV (DCFC) di Blok F11, Kompleks F, Putrajaya.

### LATAR BELAKANG

Hadirin sekalian,

4. Garis Panduan Peralihan Kenderaan Kerajaan kepada Kenderaan Elektrik yang akan diserahkan hari ini merupakan dokumen panduan yang dirangka oleh NRES melalui MGTC bersama pakar-pakar teknikal dan pihak-pihak berkepentingan yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi serta Industri.
5. Dokumen ini memperincikan strategi peralihan yang merangkumi penilaian inventori *fleet* semasa untuk mengenal pasti keperluan operasi, pemilihan kenderaan elektrik, perancangan infrastruktur pengecasan dan analisis kos serta pengurangan pelepasan karbon bagi memastikan peralihan yang terancang dan berkesan di samping memperkuuhkan agenda kelestarian alam sekitar.
6. Selain itu, aspek keselamatan, pemantauan, pelaporan dan latihan juga menjadi keutamaan untuk menjamin kelancaran transformasi ini. Saya percaya, dengan sokongan semua pihak seperti pengurus perolehan dan aset, pengurus kewangan, akaun termasuk para pemandu akan memberi impak positif dan berkesan dalam pengurusan alam sekitar di samping mengurangkan kos operasi dan penyelenggaraan kenderaan Kerajaan dalam jangka masa panjang.

7. Di samping itu, Garis panduan ini bukan sahaja bertujuan untuk memastikan peralihan kenderaan Kerajaan kepada kenderaan elektrik berjalan lancar malahan dapat memacu inovasi dan pembangunan ekosistem kenderaan elektrik di Malaysia secara lestari.

## **KEUTAMAAN PERALIHAN KEPADA KENDERAAN ELEKTRIK**

Hadirin sekalian,

8. Berdasarkan *Biennial Update Report* (BUR) 4, **sektor pengangkutan merupakan sektor kedua tertinggi yang menyumbang 25.05% (64,973.10 Gg CO<sub>2</sub> eq.) kepada jumlah pelepasan karbon sektor tenaga di Malaysia**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **21.40% (55,486.57 Gg CO<sub>2</sub> eq.) adalah daripada sektor pengangkutan darat**, menjadikannya salah satu sektor utama yang memerlukan perhatian segera dalam mengurangkan pelepasan karbon. Pelbagai strategi dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan digariskan di bawah **Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB) 2021-2030**.
9. Strategi ini merupakan salah satu inisiatif kepimpinan melalui teladan dan menunjukkan komitmen Kerajaan di dalam peralihan kepada kenderaan elektrik. Peralihan ini diharapkan dapat mengurangkan pelepasan gas rumah kaca hingga 38% bagi setiap perjalanan oleh kenderaan sektor awam.

10. Selain manfaat kepada alam sekitar, kenderaan elektrik menawarkan penggunaan tenaga yang lebih efisien yang akan memberikan penjimatan kos perjalanan sehingga 44% berbanding kenderaan enjin pembakaran dalaman atau *Internal Combustion Engine* (ICE). Penjimatan penggunaan tenaga ini juga bermaksud lebih banyak pengurangan karbon dalam penghasilan tenaga.

## **PELANCARAN STESEN PENGECAS PANTAS EV (DCFC)**

Hadirin sekalian,

11. Stesen Pengecas Pantas EV (*Direct Current Fast Charger* - DCFC) di Blok F11, Kompleks F yang akan dilancarkan pada petang ini merupakan salah satu projek demonstrasi di bawah Projek *Green Technology Application for the Development of Low Carbon Cities* (GTALCC).
12. Projek ini dilaksanakan oleh Kementerian dan SEDA Malaysia sebagai agensi pelaksana dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan termasuk Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), MGTC, Perbadanan Putrajaya, Putrajaya Bina Sdn. Bhd - Pengurus Fasiliti, Kompleks F dan lain-lain untuk menyediakan kemudahan pengecasan pantas pertama bagi kompleks Kerajaan di Putrajaya.

13. Stesen pengecasan pantas ini mempunyai kapasiti sebanyak **60 kilowatt**. Dengan penggunaan teknologi pengecasan pantas ini, kenderaan elektrik boleh dicas sehingga kapasiti **80% dalam masa kurang daripada 30 minit**, berbanding pengecas biasa jenis *Alternating Current* (AC) yang mengambil masa beberapa jam.
14. Inisiatif ini turut menyokong visi Putrajaya sebagai Bandar Rendah Karbon menjelang 2025 dengan memperlihatkan Kompleks F sebagai contoh bagi pelaksanaan Zon Rendah Karbon. Projek ini bertujuan mempamerkan pelaksanaan inisiatif rendah karbon dalam premis Kerajaan, memudahkan pemilikan dan penggunaan kenderaan elektrik (EV) melalui penyediaan infrastruktur sokongan, serta menjadi contoh kepada Kementerian dan Jabatan serta Agensi lain.
15. Inisiatif hari ini juga tidak mungkin berjaya tanpa sokongan padu daripada pelbagai pihak. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak terlibat yang bertungkus lumus menjayakan projek ini sehingga menjadi realiti meskipun menghadapi pelbagai isu dan kesukaran dalam memastikan pemasangan kemudahan pengecasan pantas ini mematuhi segala prosedur dan kelulusan pihak berkuasa tempatan serta pematuhan keselamatan yang ditetapkan. Kejayaan ini memerlukan kerjasama erat daripada semua pihak iaitu Kerajaan, sektor swasta dan rakyat secara keseluruhan.

## PENUTUP

Hadirin sekalian,

16. Majlis hari ini sangat signifikan ke arah mencapai aspirasi karbon sifar bersih pada tahun 2050. Saya yakin, dengan sokongan dan usaha bersama, kita mampu mencapai sasaran ini dan mengubah landskap pengangkutan negara kepada yang lebih bersih, cekap, dan lestari sekali gus membuktikan komitmen Malaysia dalam menangani isu perubahan iklim dan memelihara kelestarian alam sekitar.
17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya menyerahkan Garis Panduan Peralihan Kenderaan Kerajaan kepada Kenderaan Elektrik kepada Kementerian Kewangan dan melancarkan Stesen Pengecas Pantas EV (DCFC) di Blok F11, Kompleks F, Putrajaya.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.